
Kepada : Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Daripada : Bendahari

Ruj. Kami : UPSI/BEND/AKS/82/1 Jld.2(38)

Tarikh : 3 Julai 2024
26 Zulhijah 1444H

PENUTUPAN AKAUN TAHUN 2024

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa, penutupan akaun Universiti bagi tahun 2024 adalah pada 31 Disember 2024. Sehubungan itu, berikut merupakan garis panduan yang perlu dipatuhi oleh semua Pusat Tanggungjawab (PTj);

2.1. Proses Pembelian

- 2.1.1 Tarikh akhir bagi permohonan untuk pembelian melalui sebutharga rasmi/tender adalah pada **30 Ogos 2024 (Jumaat)**. Sehubungan itu, semua permohonan perolehan menggunakan peruntukan akaun mengurus melalui sistem maklumat MyFIS NEO akan dihentikan selepas 30 Ogos 2024. Perolehan yang menggunakan akaun amanah dan peruntukan RMK akan diteruskan.
- 2.1.2 Bagi memastikan semua bekalan dan perkhidmatan diterima dalam tahun 2024, tarikh akhir pengeluaran pesanan belian bagi urusan pembelian ataupun perkhidmatan adalah pada **31 Oktober 2024 (Khamis)**. Sehubungan itu, pengeluaran pesanan belian melalui sistem maklumat kewangan MyFIS NEO oleh semua PTj akan dihentikan pada 1 November 2024 (Jumaat).
- 2.1.3 Untuk membolehkan semua pembelian atau kerja yang dilaksanakan dapat diakaunkan ke dalam akaun tahun 2024, PTj hendaklah memastikan semua barang-barang yang dipesan atau kerja yang dilaksanakan dapat diselesaikan selewat-lewatnya pada **20 Disember 2024 (Jumaat)**.
- 2.1.4 Mana-mana pembelian atau perkhidmatan yang dilaksanakan selepas tarikh tersebut, **pembayaran akan dibuat dalam tahun 2025 dengan menggunakan peruntukan tahun 2025 PTj masing-masing**.

2.2. Dokumen untuk pembayaran

Semua dokumen untuk pembayaran hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Bendahari dengan lengkap selewat-lewatnya pada tarikh seperti yang berikut:-

<u>Jenis Dokumen</u>	<u>Tarikh Akhir Serahan</u>
(a) Inbois-inbois daripada pembekal	27 Disember 2024 (Jumaat)
(b) Tuntutan perjalanan dan tuntutan pelbagai kakitangan	27 Disember 2024 (Jumaat)
(c) Rekupon panjar wang runcit	20 Disember 2024 (Jumaat)

2.3. Aset, Inventori dan Stok

Kerjasama YBrs. Prof./Dr./Tuan/Puan adalah dipohon untuk:-

- 2.3.1 Memastikan semua aset dan inventori yang dibeli dalam tahun 2024 disimpan, dilabel dan dikemaskini di dalam sistem maklumat kewangan MyFIS NEO, termasuk kad-kad kewangan berkaitan. Senarai aset, inventori dan stok boleh diakses daripada sistem maklumat kewangan MyFIS NEO.
- 2.3.2 Memastikan semua tindakan pelupusan (jika ada) yang telah diputuskan oleh Naib Canselor atau Timbalan Naib Canselor dilaksanakan.
- 2.3.3 Memastikan Jawatankuasa Pemverifikasi Aset/Inventori/Stok melakukan pemeriksaan fizikal (verifikasi) sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun.
- 2.3.4 Senarai aset, inventori dan stok boleh diakses daripada sistem maklumat kewangan MyFIS NEO dan dimohon juga supaya dapat dilaksanakan pemeriksaan fizikal (verifikasi) aset, inventori dan stok di bawah PTJ masing-masing sebelum pihak juru audit datang mengaudit akaun universiti.

3. Kerjasama YBrs. Prof./Dr./Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai bagi membantu melancarkan proses penutupan akaun tahun 2024 dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN"**

Saya yang menjalankan amanah,


(HJ. MOHAMAD NAJIB BIN HJ. MOHAMED, C.A.(M), ASEAN CPA)



s.k.

1. YBhg. Profesor Dato' Dr. Md Amin bin Md Taff
Naib Canselor
2. YBrs. Profesor Dr. Abdul Rahim bin Razalli
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
3. YBrs. Profesor Dr. Suriani binti Abu Bakar
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
4. YBrs. Profesor Dr. Norkhalid bin Salimin
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
5. YBrs. En. Helmi Zaifura bin Abdul Rahman
Pendaftar